



**MOHAMAD AMRI SAHARI**

## Perolehan MSM naik 17.3% tapi rugi lebih RM34 juta

Oleh **AFIQ MOHD. SHAH**  
ekonomi@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR 31 Mei** - Peneraju pengeluar gula bertapis terbesar negara, MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) berjaya mencatatkan peningkatan perolehan kepada RM648.97 juta pada suku pertama berakhir 31 Mac 2017 berbanding RM553.16 juta bagi tempoh sama tahun lalu.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Mohamad Amri Sahari berkata, lonjakan pendapatan sebanyak 17.3 peratus dibantu oleh peningkatan volum jualan sebanyak 22.8 peratus dan peningkatan harga jualan purata bagi segmen pasaran keseluruhan.

Walau bagaimanapun beliau berkata, syarikat telah mencatatkan kerugian sebelum cukai berjumlah RM39.56 juta dan kerugian selepas cukai sebanyak RM34.62 juta dalam tempoh kajian.

"Kerugian kali pertama yang dialami oleh MSM sejak mula disenaraikan di Bursa Malaysia pada tahun 2011 adalah disebabkan oleh penurunan nilai mata wang tempatan dan pemulihan lewat bagi harga gula mentah antarabangsa.

"Kos pengeluaran gula bertapis pada suku pertama tahun ini merekodkan peningkatan akibat daripada kelemahan nilai ringgit yang sekali gus menyebabkan kami terpaksa membayar jumlah lebih tinggi daripada segi ringgit per tan metrik untuk pembelian gula mentah," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

MSM merupakan anak syari-



kat milik Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) dengan operasi perniagaan merangkumi penghasilan, pemasaran dan penjualan produk gula bertapis dengan kapasiti pengeluaran gula tahunan sebanyak 1.25 juta tan gula bertapis.

Mengulas lanjut, Mohamad Amri berkata, kos urusan pembelian gula mentah dan ketidak-tentuan tukaran mata wang juga telah menyebabkan margin keuntungan kasar MSM menyusut sebanyak 97.1 peratus pada suku pertama 2017 berbanding tempoh sama tahun lalu.

Jelas beliau, pihaknya telah mempertingkatkan usaha bagi memastikan bekalan gula stabil terutamanya pada musim perayaan akan datang dan berharap pasaran dapat pulih dengan segera.

"Kami sentiasa memantau pergerakan ringgit dan dolar Amerika pada setiap suku kewangan dengan matlamat utama adalah untuk mendapat kadar purata dalam ketidak-tentuan tukaran mata wang bagi mencapai kawalan yang lebih baik ke atas kos bahan yang diimport.

"Kami juga akan terus berbincang dengan kerajaan dan sentiasa memberi makluman mengenai perkembangan terkini pasaran gula global serta berharap dapat mencapai hasil yang positif," katanya.

## Mah Sing terus catat keuntungan

**KUALA LUMPUR 31 Mei** - Mah Sing Group Bhd. mencatatkan keuntungan sebelum cukai kira-kira RM120.6 juta bagi suku pertama 2017 iaitu peningkatan 6.7 peratus berbanding suku sebelumnya disokong oleh



**LEONG HOY KUM**

keuntungan lebih tinggi daripada projek yang telah siap.

Pengarah Urusan Mah Sing Group, Tan Sri Leong Hoy Kum berkata, kumpulan

merekodkan keuntungan bersih sekitar RM90.4 juta daripada pendapatan keseluruhan berjumlah RM723.5 juta sepanjang tempoh tersebut.

Katanya, kumpulan juga berjaya memperoleh dua bidang tanah dengan gabungan nilai pembangunan kasar (GDV) sebanyak RM1.95 bilion, selain terus mengintai lebih banyak pengambilalihan tanah disokong oleh penyataimbangan yang sihat.

"Dua pengambilalihan tanah di Lembah Klang ini, ditambah dengan simpanan tanah sedia ada menjadikan kami dalam kedudukan yang lebih baik untuk memenuhi permintaan pasaran bagi menawarkan projek perumahan di lokasi strategik pada harga berpatutan.

"Kami juga sedang mencari lebih banyak tanah. Sudah tentu, tanah baharu itu perlu memberi pulangan strategik dan kami juga akan mematuhi dasar kewangan kumpulan yang mengekalkan nisbah penggearan bersih," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Mah Sing memperoleh dua bidang tanah pegangan bebas iaitu di Sentul seluas 3.5 hektar yang dirancang bagi pembinaan M Centura, sementara tanah 1.44 hektar berhadapan Taman Tasik Titivangsa pula menyaksikan pembinaan sebuah kondominium berorientasikan transit.

LBS B

**KUALA LUMPUR** Group Berhad melancarkan haru tahun anggaran pembangunan RM1.88 bilion. Pengarah Urusan LBS B Lim Hock Seah sebahagian pembanguna terletak di Le dan Cameron

Beliau ber projek yang kan ialah pe mah dua ting Hills, Projek Awam 1Mala Jalil dan Des



**NAIM MOHAMAD Antarabangsa**

MIMF

**KUALA LUMPUR** Mesin Ani 2017 (MIMF) pertumbuhan saksi jualan AS\$300 juta penganjuran Pengarah agement Sd Chong Tik merupakan yang bakal ga 30 Julai Dunia Putra

Katanya, kat pengelu ri China, In latan dan sudah men bagi mengi yang telah

"MIMF" nampilkan bawahnya